

14/08/1997

Sukom: Jaga kebersihan makanan

Ebi Azly Abdullah

PETALING JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat khususnya pengendali makanan, memastikan kebersihan tertinggi dalam penyediaan makanan terutama menjelang temasya Sukan Komanwel (Sukom) tahun depan.

Menurut Perdana Menteri, standard kebersihan tertinggi dalam menyediakan makanan boleh mengelak berlakunya wabak penyakit seperti Hepatitis A yang berpunca daripada makanan kotor.

Tegas beliau, rakyat juga boleh membantu dengan mengelakkan memakan kupang separuh masak, salad dan sayur mentah dan minuman tidak ditapis selain mengekalkan standard kebersihan yang tinggi.

Penyakit Hepatitis A yang menyebabkan hati membengkak akibat memakan atau minum sesuatu yang dijangkiti virus Hepatitis A.

"Dengan Sukan Komanwel menjelang tiba tahun depan, kita mesti sentiasa peka dalam memastikan tidak ada atlet atau pengunjung sakit kerana menghidap Hepatitis A yang boleh mencerminkan imej buruk mengenai standard kesihatan negara.

"Sehubungan itu, saya ingin mengingatkan setiap rakyat Malaysia khususnya pengendali makanan untuk mengekalkan kebersihan ketika menyediakan makanan," katanya berucap melancarkan Yayasan Hepar Malaysia (YHM) di sini, malam ini.

YHM memberi pendidikan dan bantuan mengenai penyakit hati.

Turut hadir Presiden YHM, Datuk Dr Ismail Merican.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia seperti negara lain tidak terhindar daripada bahaya serangan penyakit jika gaya hidup mereka kurang baik atau mereka tidak menjalani pemeriksaan perubatan dari semasa ke semasa.

"Ada beberapa sebab tumpuan diberi kepada penyakit ini.

"Antaranya termasuk memastikan rakyat kita tidak diserang sejenis penyakit yang memang boleh dibendung.

"Keduanya ialah inilah satu cara yang baik bagi mengawal komplikasi bahaya seperti sirosis dan kanser hepar," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, kanser hati boleh diubati seandainya dikesan terlebih awal.

Bagaimanapun, hampir 80 peratus kes kanser itu di negara ini gagal dirawat kerana dianggap serius dan gagal dikesan di peringkat awal.

"Ini adalah antara faktor utama mengapa kita menubuhkan YHM.

"Dengan meningkatkan kesedaran awam mengenai simptom awal penyakit berkenaan termasuk menyediakan peralatan mencukupi, yayasan yakin ia boleh dibendung.

"Dengan menghalang merebaknya Hepatitis B dan C, kita boleh menjangkakan penurunan insiden kanser hati di negara ini," tegas beliau.

Menurut Dr Mahathir, proses perpindahan hati juga adalah satu kaedah yang perlu diberi perhatian dalam mengatasi penyakit berkenaan, kerana tidak ada mesin khas yang boleh menggantikan fungsi organ terbahit.

Bagaimanapun, katanya, jumlah penderma organ di negara ini masih rendah dan gagal menampung permintaan kira-kira 200 kes baru setiap tahun.

"Untuk memastikan keberkesannya, kita memerlukan kerjasama orang ramai dan pendidikan yang lebih menyeluruh.

"Saya berharap YHM akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan pertubuhan lain dalam melaksanakan kempen aktif di seluruh negara," katanya.

Perdana Menteri juga berharap persediaan menyeluruh dibuat bagi

menawarkan kemudahan pemindahan hati kepada rakyat supaya mereka tidak perlu ke luar negara untuk mendapatkan rawatan.

(END)